

Dr M kejutkan

BH 23 JUN 2002

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir-Mohamad bersetuju untuk terus menerajui Umno dan Barisan Nasional (BN) serta negara selepas puas dipujuk timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno agar menarik balik pengumuman mengejutnya meletakkan jawatan dalam parti, petang semalam.

Pengumuman yang menggemparkan itu disiarkan secara langsung ke seluruh negara oleh RTM dan TV3. Ia dibuat ketika Perdana Menteri menggulung perbincangan di Perhimpunan Agung Umno di PWTC di sini.

Suasana dalam Dewan Merdeka menjadi kelim-kabut sejurus pengumannya itu dengan Ketua Wanita Datuk Seri Randah Aziz meluru ke tempat beliau berucap bertanya kenapa, dengan diikuti Ketua Pemuda Datuk Hishammuddin Hussein yang juga tergamam dengan pengumuman dramatik dan tidak disangka itu.

Dr Mahathir dengan sebak dan penuh emosi berkata beliau tetap dengan keputusannya itu yang telah lama dibuatnya. Beliau kemudian dikerumuni ahli MT lain yang turut memujuknya menarik balik pengumannya itu.

Presiden Umno yang memulakan ucapannya pada jam 4.40 petang menyentuh pelbagai isu yang ditimbulkan perwakilan. Pada penghujung ucapannya itu pada jam 5.58 petang beliau secara tiba-tiba berkata:

"Tuan-tuan dan puan-puan, Tun Pengerusi Tetap, ahli-ahli Majlis Tertinggi, para wakil ke perhimpunan agung Umno tahun 2002, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengumumkan... mengumumkan satu peletakan jawatan saya..."

Dalam nada yang sebak dan suara tersekat-sekat, Dr Mahathir selepas meminum dua teguk air berkata: "... peletakan jawatan saya sebagai Presiden Umno dan semua jawatan-jawatan... yang dipegang oleh saya... dalam parti. Peletakan saya sebagai Pengerusi BN dan semua jawatan dalam BN....."

Bagaimanapun, sebelum sempat Perdana Menteri meneruskan pengumuman seterusnya, perwakilan yang kelihatan tergamam seketika diikuti dengan teriakan membantah. Rafidah, Hishammuddin, Ketua Penaja Puteri Umno, Azalina Othman dan beberapa ahli MT yang lain yang berdekatan terus mengerumuni Dr Mahathir dalam usaha memintanya menarik balik pengumannya itu.

Pada masa yang sama, Abdullah menggunakan mikrofon Pengerusi Tetap dan dengan nada yang tegas berkata:

negara

Pemerhati menangis, berteriak di luar dewan

BH 23 FEB 2002

DARI MUKA 1

"Pengerusi Tetap Umno Malaysia, izinkan saya membuat cadangan supaya meminta Datuk Seri Dr Mahathir tarik balik...tarik balik cadangan beliau itu..."

Rafidah, yang berada di sebelah kanan Dr Mahathir serta memegang tangan kanan Perdana Menteri dan Hishammuddin di kiri dengan memegang bahunya bertanyakan "why?...why?..."

Dr Mahathir yang tidak dapat menahan perasaannya dengan menggerakkan kedua-dua tangannya sebagai isyarat tidak mahu dipujuk oleh ahli MT yang mengerumuni, berkata:

"No, no, I have decided (saya sudah membuat keputusan)...I have decided...dah lama dah ..."

Keadaan bertambah kecoh dengan perwakilan sambil berdiri melautkan 'Mahathir, Mahathir', manakala semua ahli MT yang berada di pentas, sudah mengerumuni Perdana Menteri. Keadaan serupa turut berlaku di luar Dewan Merdeka apabila sebahagian besar pemerhati yang menonton televisyen litar tertutup, terutama wanita menangis dan berteriak.

Pengerusi Tetap terpaksa beberapa kali merayu perwakilan dan ahli MT supaya bertenang serta duduk di kerusi masing-masing sebelum keadaan tenang sedikit. Begitupun, perwakilan menyanyi lagu 'Umno' dan 'Barisan Kita', manakala keadaan di pentas utama belum terkawal sepenuhnya.

Kira-kira 10 minit selepas itu, Abdullah mengumumkan usul tergem-

par perhimpunan bahawa: "Kami MT dengan sebulat suara mahu mencadangkan untuk persetujuan semua, kita mahu supaya Dr Mahathir terus memimpin parti..." diikuti laungan perwakilan menyatakan persetujuan.

Sulaiman kemudian, dengan suara lebih keras, meminta ahli MT duduk di kerusi masing-masing dan mengumumkan persidangan ditangguhkan selama 10 minit bagi menenangkan keadaan.

Dr Mahathir dibawa ke Bilik Perdana, diikuti oleh Abdullah, tiga naib presiden, Rafidah dan Hishammuddin bagi merayu Perdana Menteri menarik balik peletakan jawatannya.

Di dalam Dewan Merdeka, Sulaiman mengarahkan pintu dewan persidangan ditutup kerana orang ramai di luar berebut untuk masuk bagi mengikuti perkembangan selanjutnya.

Apabila mengetahui Dr Mahathir tiada dalam dewan, orang ramai memenuhi ruang di depan Bilik Perdana, yang terletak di sebelah Dewan Merdeka.

Perwakilan dan orang ramai di luar dewan kelihatan resah-kira-kira 50 minit sebelum Abdullah naik ke pentas membuat pengumuman hasil perbincangannya dengan Dr Mahathir.

Sebaik saja Abdullah mengumumkan Dr Mahathir bersetuju untuk menarik balik peletakan jawatannya pada jam 7 malam, perwakilan yang tidak berganjak dari kerusi masing-masing serta pemerhati di luar dewan, bersorak gembira.

Abdullah dalam pengumumannya

melalui RTM selepas itu menjelaskan, Dr Mahathir memahami hasrat MT, perwakilan dan seluruh Umno yang mahukannya terus memimpin parti dan kerajaan.

Sementara itu, Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, yang diiringi Abdullah dan pemimpin kanan parti kelihatan meninggalkan Bilik Perdana menuju ke ketertanya untuk pulang ke Sri Perdana, Putra Jaya.

Sehingga malam ini, Dr Mahathir difahamkan berada di Sri Perdana berehat bersama keluarga termasuk semua tujuh anaknya.

Abdullah pada sidang akhbar ketika mempengerusikan mesyuarat tergempar Majlis Tertinggi (MT) malam tadi berkata, alasan Dr Mahathir untuk meletak jawatan ialah beliau berasa Umno kini berada dalam keadaan serta kedudukan yang baik.

"Beliau kata beliau dah lama berkhidmat. Waktu ini kedudukan parti memang dah baik dan kukuh, maka beliau rasa ini inilah masanya beliau perlu membuat keputusan untuk melepaskan jawatan.

"Tidak ada sesiapa yang mempengaruhi beliau mengambil keputusan itu... ini adalah keputusan yang dibuat oleh beliau sendiri.

"Beliau nyatakan beliau dah berkhidmat selama 21 tahun dan banyak berjasa serta kerja untuk Umno. Beliau tidak berhajat tak nak Umno tapi beliau berkata akan terus membantu parti," kata Abdullah.

Menjawab soalan, Timbalan Presiden Umno berkata, Dr Mahathir boleh melepaskan sebarang jawatan

dalam parti tanpa memberi sebarang notis kerana itu adalah budi bicaranya sebagai Presiden parti.

Mesyuarat malam tadi juga, katanya, meminta semua ketua badan perhubungan negeri supaya memberi penjelasan kepada peringkat akar umbi mengenai senario sebenar

dan meyakinkan mereka bahawa Dr Mahathir akan kekal memegang semua jawatan seperti biasa.

Beliau berkata, Dr Mahathir akan bercuti selama beberapa hari mulai esok dan akan meneruskan program lawatan ke luar negara seperti dirancang.